



SMK
PENDIDIKAN
KHASS
SETAPAK
JALANG
GENTING
KELANG
53300
KUALALUM

P
U
R

Nama Murid :

Tingkatan :

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2025
TINGKATAN 5**

KESUSASTERAAAN MELAYU KOMUNIKATIF
3 jam 30 minit

2216/1

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan

1. Sila tulis **nama dan tingkatan** anda pada ruangan yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B**.
3. Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan **tiga** soalan daripada **Bahagian B**.
4. Jawapan bagi **Bahagian A** dan **B** hendaklah ditulis dalam helaian kertas jawapan yang dibekalkan oleh pihak sekolah.
5. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.
6. Kertas jawapan dan kertas peperiksaan ini hendaklah diserahkan kepada guru pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1-10	40	
B	11	20	
	12	20	
	13	20	
	14	20	
	15	20	
	16	20	
Jumlah		100	

Disediakan dan disemak braille oleh:

.....
Pn. Siti Nur Shuhada Chong Abdullah
GMP Kesusasteraan Melayu
Komunikatif
SMK Pendidikan Khas Setapak

Disemak oleh:

.....
Pn. Zinaida binti Ariffin
Ketua Panitia KMK
SMK Pendidikan Khas Setapak

Disahkan oleh:

.....
Pn. Noor Liana binti Ismail
GKMP Bahasa
SMK Pendidikan Khas Setapak

Bahagian A
[40 markah]
Jawab semua soalan.

1

Seminggu kemudian, kumpulan pencinta alam yang berpejabat di Kuri secara rasmi membantah projek itu. Mereka menyertakan kajian ilmiah setebal tujuh lima halaman, memberi penekanan kepada bencana besar yang akan dihadapi oleh Futu-Ata andainya projek itu diteruskan. Bantahan tersebut telah disampaikan kepada wakil Dewan Presiden di Kuri dan pihak berkuasa di Tatamanu. Dipetik daripada novel Naratif Ogonshoto karya Anwar Ridhwan

Berikan satu citra masyarakat berserta contoh yang terdapat dalam petikan novel tersebut. [4 markah]

2.

Malam itu Sharifah tidak tidur. Dia berniat untuk sedekahkan baju-baju yang baru siap itu kepada saudara-maranya di kampung. Dia akan hubungi Mak Lijah tukang jahit dan Mek Nab tukang masak mereka. Dia akan berpakaian seperti Mek Nab supaya masyarakat dapat dikaitkan dengannya. Kalau Abang Said meragam, malu berjalan dengannya selepas ini, dia akan berserah kepada takdir. Dia tidak boleh menggembirakan semua orang. Imej Abang Said harus dijaga agar jangan dikata orang lagi. Begitulah kasih seorang isteri. Dipetik daripada cerpen Perspektif Karya NF Abdul Manaf

Nyatakan satu persoalan berserta contoh yang terdapat dalam petikan cerpen tersebut. [4 markah]

3.

ZAKI: Dapatkah kaulupakan White Christmas dan Trafalgar Square?
(Bercakap dengan lemah lembut).
ANNA (memotong): Aku dah lupakan peristiwa itu. Usah engkau ulangi lagi
ZAKI (tak hiraukan ANNA): Kaukata, kausetia kepadaku. Kaukata akulah lelaki pertama dan terakhir buatmu ...
Dipetik daripada drama Anna, karya Kemala

Berikan dua ciri drama berserta contoh dalam petikan drama tersebut. [4 markah]

4.

Bawa denak bersangkar rotan,
Di dalam semak sangkut di dahan,
Dahan sedepa tempat gantungan;
Nilai anak kerana ketaatan,
Nilai emak kerana asuhan,
Nilai bapa kerana tanggungan.
Dipetik daripada Pantun Enam Kerat dalam antologi Nilai Insan

Nyatakan dua nilai murni berserta contoh dalam petikan puisi di atas.

[4 markah]

5.

Semasa bertolak dari Medan ke Permatang Siantar, dia bertembung dengan anak-anak muda yang memegang dan menadah bakul memohon derma di jalanan untuk membina masjid. Hatinya tergores tetapi jiwanya kembang menghadapi situasi itu. Dia terus berjalan lagi. Semasa merentasi Tanah Saribo, hatinya tergores lagi tetapi jiwanya kecut dan beku. Tugu-tugu bertaburan di atas bumi. Dia takut melihat tugu-tugu perkuburan itu kerana dalam agamanya, kesemua itu tidak ada. Dia gentar menghadapi perjalanan selanjutnya. Namun, sebaik sahaja melintas perkampungan Tiga Dolok, sebaik sahaja dia nampak tebing Danau Toba yang tinggi itu, dia seperti hilang dirinya. Dia bagaikan bersatu dengan kebesaran Tuhan.
Dipetik daripada cerpen Profesor Sufi karya A. Rahmad

Nyatakan dua latar tempat berserta contoh yang terdapat dalam petikan cerpen

tersebut. [4 markah]

6

Ini tanah kita, pesan bonda
kau akan bersemadi di bawahnya
kita perlu menjadi seorang tua
kala petang, dia berseorangan
di bawah pohon
kemboja – menatap langit, menadah
tangan; menzikiri nama Tuhan
bertubi-tubi, air matanya membasahi pipi.

Pesannya, liang tanah ini
akan mengisi jasad-jasad berani.
Dia sedang berkira-kira, bagaimana
untuk menjadi lelaki paling berani
bakal mendiami liang tanah ini.
Dipetik daripada sajak Ini Tanah Kita
karya Salman Sulaiman

Nyatakan dua pengajaran berdasarkan petikan sajak tersebut [4 markah]

7.

Maka surat itu pun dibaca oranglah. Setelah sudah, maka titah Phra Cau, “Hai Oya Bagelang, panggil mari utusan itu hampir kita ini! “Laksamana pun serta menyembah. Maka titah Phra Cau, “Hai Laksamana, jangan kan empat ekor Raja Melaka hendakkan gajah, jika empat puluh sekalipun kita beri!” Maka sembah Laksamana, “ Daulat tuanku. “Maka Phra Cau pun hairan melihat sikap Laksamana dan tahu berkata-kata cara siam dengan fasih lidahnya dan manis suaranya, Maka raja pun terlalu amat kurnia akan Laksamana dan dipersalin cara Siam.

Dipetik daripada Sastera epik Hang Tuah
diutus ke Siam dalam Antologi Nilai Insan.

Nyatakan dua perwatakan Phra Cau berserta contoh yang terdapat dalam petikan tersebut. [4 markah]

8.

Pak Yasok benar-benar berasa terhiris akan kata-kata itu. Sepanjang hidupnya sebagai dalang wayang kulit, itulah penghinaan yang paling hina yang pernah diterimanya. Tok siak, pak lebai, dan imam masjid di kampungnya itu pun tak pernah menghina kerja-kerja seni Pak Yasok sebegitu rupa. Pak Yasok ke surau dan ke masjid seperti orang lain juga. Pak Yasok tetap berzakat dan menziarahi saudara jauh dekat sakit demam dan mati relai. Semuanya Pak Yasok pergi. Orang kampung tak pernah memusuhi Pak Yasok. Bahkan di bangsal wayang di halaman rumahnya itulah anak-anak muda kampung berkumpul, belajar menabuh gendang. Itu pun selepas solat Isyak apabila semua mereka selesai berjemaah di masjid kampung. Kalau ada sakit demam atau mati relai, latihan menabuhkan gong gendang dihentikan sebagai menghormati saudara-mara sekampung.

Dipetik daripada cerpen Air Mata Dalang karya Rahimidin Zahari

Nyatakan satu pandangan terhadap latar masyarakat berserta contoh yang terdapat dalam petikan cerpen tersebut. [4 markah]

"Ya, Penghulu, kehadiran saya di sini telah membuka mata saya sebagai wakil rakyat yang baharu. Saya dapati pokok buah-buahan di Bukit Emas, khususnya durian mempunyai potensi besar untuk masa depan penduduk di sini," Encik Firdaus terus memusnahkan impian Penghulu Sudin.

"Bukit Emas patut dikekalkan. Bukit Emas hendaklah dipelihara alam semula jadinya. Biarkan pokok buah-buahan di Bukit Emas terus memberikan rezeki yang melimpah kepada semua penduduk Kampung Kuah. Bahkan penduduk-penduduk kampung yang mempunyai dusun buah-buahan di Bukit Emas hendaklah memastikan pokok-pokok yang sudah terlalu tua dan hampir mati ada gantinya. Benih-benih baharu hendaklah diusahakan dari semasa ke semasa agar Bukit Emas akan terus menghijau."

Dipetik daripada cerpen Bukit Emas karya Mufidah Hanum Yusuf

Berikan satu ciri kepemimpinan Encik Firdaus berserta contoh yang terdapat dalam petikan cerpen tersebut. [4 markah]

10.

Lelaki itu, yang memangnya sejak membaca berita pagi tadi lagi telah pun bersedia dengan jawapannya, langsung bersuara begini;

"Memang benarlah seperti yang dikatakan oleh profesor itu. Tuntutan ganti rugi berangkai memang tak dibenarkan," katanya dengan lancar. Suaranya ditekankan dengan nada autoritatif.

"Kalau begitu, mengapakah tuan masih mahu menyaman sedangkan sudah jelas duduk perkara?"

"Begini saja," kata lelaki itu. "sebaiknya saya menghindar daripada memberikan sebarang komen pada peringkat ini. Biarlah mahkamah yang menentukannya nanti.

Dipetik daripada cerpen Res Judicata karya Aidil Khalid

Nyatakan dua teknik plot berserta contoh yang terdapat dalam petikan cerpen tersebut. [4 markah]

Bahagian B

[60 markah]

Jawab tiga soalan sahaja.

11. Baca puisi di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya

Syair Seratus Siti

Tersebut pula suatu perkataan,
Raja Malabari empunya kerajaan,
Sehari-hari bersuka-sukaan,
Rakyatnya banyak tiada terkian.

Bangsanya Ajam baginda itu,
Kerajaan besar bukan suatu,
Takluk banyak sudah tertentu,
Menghantar ufti sekalian ke situ.

Ada kepada suatu hari,
Baginda semayam di balai seri,
Dihadap sekalian hulubalang Menteri,
Ramainya tidak lagi terperi.

Banyaknya tidak menderita,
Berlimpah sampai ke tepi kota,
Bahana gemuruh gegak gempita,
Menghadap baginda di atas takhta.

Lasykarnya banyak beribu laksa,
Penuh sesak segenap desa,
Negerinya makmur sangat sentosa,
Sehari-hari suka termasa.

Baginda melihat kebesarannya,
Sangatlah takbur pada rasanya,
Lalu bertitah kepada menterinya,
Aku nan siapa tara bandingnya.

Adakah raja terlebih kaya,
Daripada aku terlebih mulia,
Akulah raja di dalam dunia,
Terlebih daripada aku manakah dia.

Baiklah segera kamu berkata,
Kepada kau supaya nyata,
Aku nan hendak mendengar warta,
Adakah raja bermahkota.

Berdatang sembah seorang pahlawan,
Kaya tuanku tiada berlawan,
Serta adil dengan kelimpahan,
Rakyat tentera berkoyan-koyan.

Junaini Kasdan
Syair Seratus Siti, 2004
Dewan Bahasa dan Pustaka

(a) Buktikan puisi di atas ialah syair. [6 markah]

b) Syair tersebut bertemakan kehebatan dan keangkuhan seorang pemerintah.

Huraikan dua unsur patriotisme yang ditunjukkan oleh rakyat Raja Malabari yang terdapat dalam puisi tersebut. [6 markah]

c) Berdasarkan kreativiti anda, adaptasi rangkap keempat dan rangkap kelima syair di atas menjadi dua rangkap pantun empat kerat.

[8 markah]

12. Berdasarkan Sastera Hikayat, Hikayat Parang Puting dalam antologi Nilai Insan:

Syahadan khabar itu pun terdengarlah kepada Syahbandar mengatakan budak itu hilang. Maka Syahbandar itu pun datanglah mendapatkan bonda budak miskin itu. Setelah ia sampai ke rumah budak miskin itu maka bonda budak miskin itu pun datanglah menangis di kaki Syahbandar itu dengan berbagai-bagai ratap tangisnya itu. Maka Syahbandar itu pun turut menangis juga kerana belas kasihan hatinya melihat kelakuan bonda budak itu. Maka kata Syahbandar, "Hai saudaraku, baiklah tuan hamba kenduri akan anakanda itu!" Seketika duduk berkata-kata itu maka Syahbandar pun bermohonlah pulang ke rumahnya. Maka bonda budak itu pun berbuat kenduri sehari-hari tiadalah berhenti, serta duduklah ia dengan bercintakan anaknya itu juga. Demikianlah kerjanya sehari-hari selamanya anaknya hilang.
Dipetik daripada Sastera Hikayat Budak Miskin Mendapat Cincin Hikmat

(a) Berdasarkan petikan prosa tersebut, nyatakan empat perkara yang berlaku selepas budak miskin hilang. [4 markah]

(b) Huraikan dua sanjungan terhadap perwatakan Budak Miskin dalam keseluruhan prosa tradisional tersebut. [8 markah]

(c) Berdasarkan perwatakan Budak Miskin, cipta sebuah sajak. Panjang sajak anda hendaklah antara 12 hingga 15 baris.

[8 markah]

13. Berdasarkan Novel Naratif Ogonshoto Karya Anwar Ridhwan:

Pada suatu petang, sependuk-sependuk di pedalaman Tubua tiba-tiba berhenti bergetar. Pucuk-pucuk pohonan pun tegak lurus ke langit. Asap kelabu gunung berapi Gora-Gora berkepul menegak ke langit biru. Pada masa itulah penduduk pedalaman Tubua terlihat seorang lelaki tua berjalan di tebing sungai menuju ke arah mereka. Pakaianya seperti nelayan dari Kuri. Semakin lama semakin dekatlah lelaki tua itu. Badannya telah mulai bongkok sabut. Jambang, misai, dan janggut hampir menutup wajahnya. Dia memakai kaca mata gelap, yang murah, yang biasanya dijual di kaki lima kedai di Tatamanu.
Dipetik daripada Novel Naratif Ogonshoto Karya Anwar Ridhwan

- a) Berdasarkan petikan novel tersebut, nyatakan empat penampilan lelaki tua. [4 markah]
- b) Huraikan dua pandangan terhadap perwatakan Guru Kidal yang terdapat dalam novel tersebut. [8 markah]
- c) Jelaskan dua keperibadian unggul Guru Kidal yang terdapat dalam novel tersebut. [8 markah]

14. Berdasarkan drama Mat Piah dan Mr. Blackway karya Mahizan Husain:

- (a) Jelaskan pemikiran yang terdapat dalam drama tersebut. [4 markah]
- (b) Jelaskan empat nilai yang terdapat dalam drama tersebut. [8 markah]
- (c) Dengan menggunakan kreativiti anda, sambung petikan drama di bawah supaya menjadi skrip drama yang mengandungi enam hingga lapan dialog.
[8 markah]

MAT PIAH: Serangan Siam apa pula? Mana ada Siam di sini. Wat Siam adalah. Nun ... di Jalan Burma! (Muncungkan mulut menunjuk satu arah).
BLACKWAY: Itu bunyi meriam! Awak tak dengar ke? Sultan Abdullah sudah sepakat dengan Siam mahu sula saya! (BLACKWAY ketakutan menutup muka sambil curi curi melihat MAT PIAH dari celah-celah jari-jemarinya).
MAT PIAH: Bunyi meriam? Sultan Abdullah? Tuan merapu apa ni? Yang tu bunyi motor mat rempit, tuan oi! Mat rempit! Tahu?
BLACKWAY: Mat rempit? Mat rempit bala tentera mana? Burma? Bugis?
MAT PIAH: Bala tentera Burma, Bugis? Apa maksud, tuan? Mereka tu bala masyarakat. Bala! Bala! Bala! Tuan tahu bala?
Dipetik daripada drama Mr Blackway dan Mat Piah karya Mahizan Husain

15. Baca puisi di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Belajarlah Memahaminya
- Gunung Legenda
Daun-daun pun berzikir
dengan bahasa diamnya
mencari wajah yang lain
merasa tenang dari kesibukan yang menyisih
bagaimana mencari jernih sejarah
di puncak misteri
bagaimana menjaga amanah alam
dalam keruh keresahan industri.

Ketika tidur di kakimu
memeluk bayangan silam
berselimutkan kisah sejarah
yang penuh sindiran alam
berbantakan legenda rimba
kidung seorang puteri.

Di puncakmu aku terpegun
melihat mesranya pohon
menyapa dengan kalimat indahny
juntaian embun.

Ketika turun pun
masih terasa
jari-jari mesra alammu
pada sungai setiamu
pada pohon sabarmu
pada lembah ghairahmu.

Belajarlah memahami
bahasa gunung legenda ini.

Shapiai Muhammad Ramly
Hadiah Sastera Perdana Malaysia, 2010-2011
Dewan Bahasa dan Pustaka

a) Huraikan nada yang terdapat dalam puisi tersebut. [4 markah]

b) Jelaskan empat gaya bahasa yang terdapat dalam keseluruhan puisi tersebut.

[8 markah]

c) Berdasarkan kreativiti anda, cipta sajak yang bertemakan tanggungjawab terhadap alam sekitar. Panjang sajak anda hendaklah antara 12 hingga 15 baris.

[8 markah]

16. Berdasarkan cerpen Rindu Seorang Rafik karya Nisah Hj Haron,

Aku tidak mahu tersilap lagi. Aku ingin memohon maaf pada Rosa. Aku sudah terbiasa dan terlatih untuk menjadi seorang yang berterus terang. Aku punya amanah yang perlu disampaikan kepada setiap warga watanku. Aku hanya menyampaikan sesuatu yang benar. Lantas aku tidak pandai berkias dalam bicaraku. Sifat kewartawananku memilih fakta-fakta bila, di mana, siapa, mengapa, bagaimana dan apa dalam menyampaikan berita. Tidak cukup ruang untuk kuselitkan emosi buat penyedap cerita.

Dipetik daripada cerpen Rindu Seorang Rafik karya Nisah Hj Haron

- (a) Nyatakan dua persoalan berserta contoh yang terdapat dalam petikan di atas.
[4 markah]
- (b) Jelaskan empat pengajaran yang terdapat dalam keseluruhan cerpen tersebut.
[8 markah]
- (c) Berdasarkan kreativiti anda, adaptasi cerpen tersebut kepada dua rangkap syair.
[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT